

PENGAJIAN KITAB IHYA' 'ULUMIDDIN kali ke-27

Surau An-Nur, Kampung Sungai Nyior, Trong.

Kuliah Maghrib kali ke-111

ZIKIR DAN TAZKIR

***"Berilah peringatan kerana peringatan itu berguna bagi orang-orang beriman."* (Az-Zariyat : 55)**

"Apabila kamu melalui kebun syurga, bersenang-senanglah di dalamnya."

"Manakah kebun syurga itu?" tanya yang hadir.

***"Majlid-majlis zikir."* (Turmizi)**

***"Allah Ta'ala mempunyai banyak malaikat yang mengembara dalam dunia selain para malaikat yang ada hubungan dengan makhluk. Apabila mereka melihat majlis zikir, lalu mereka saling panggil-memanggil satu sama lain, dengan mengatakan : "Pergilah kepada kesayangan masing-masing." Lalu pergilah mereka mengelilingi dan mendengar. Dari itu, berzikirlah kepada Allah dan peringatilah dirimu sendiri."* (Bukhari, Muslim)**

Oleh kebanyakan juru nasihat pada masa sekarang, kita lihat mengambil yang sedemikian itu lalu membiasakan dengan ceritera-ceritera, syair-syair, doa-doa dan kata-kata yang tidak difahami dan pemutaran perkataan-perkataan agama.

Adapun cerita-cerita, maka itu bid'ah. Telah datang dari ulama-ulama terdahulu, larangan duduk mengelilingi tukang-tukang cerita itu. Mereka mengatakan bahawa tidak ada yang sedemikian pada masa Rasulullah saw. Dan tidak ada pada masa Abu Bakar dan Umar, sehingga lahirlah fitnah dan timbulah tukang-tukang cerita.

Diriwayatkan bahawa Ibnu Umar keluar dari masjid seraya mengatakan : “*Aku dikeluarkan oleh tukang cerita itu. Kalau tidaklah kerana dia maka tidaklah aku keluar.*”

Al-A'masy masuk ke masjid jamik Basrah. Maka dilihatnya seorang tukang cerita sedang bercerita dan mengatakan : “*Diterangkan hadith kepada kami oleh Al-A'masy.*” Maka Al-A'masy pun masuk ke tengah-tengah rombongan itu sambil mencabut bulu ketiaknya.

Maka tukang cerita itu berkata : “*Tuan, tidakkah berasa malu?*” Sahut Al-A'masy : “*Mengapa? Bukankah saya berbuat sunnah dan saudara berbuat dusta?*” *Saya Al-A'masy dan tidak pernah menceritakan hadith kepada saudara.*”

Ali r.a. menghalau tukang cerita dari masjid jamik Basrah. Tatkala didengarnya yang bercerita itu Al-Hasan Al-Basri, maka tidak dihalaunya kerana Al-Hasan memperkatakan tentang ilmu akhirat dan berfikir tentang mati, mengingatkan kekurangan diri, bahaya amal, gurisan syaitan dan cara menjaga diri daripadanya. Dia mengingatkan kepada segala rahmat Allah dan nikmatNya, kepada keteledoran hamba pada mensyukuri-Nya. Dia memperkenalkan kehinaan dunia, kekurangan, kehancuran dan kepalsuan janjinya, bahaya akhirat dan huru-haranya.

Atha' berkata : “*Majlis zikir itu menutupkan 70 majlis yang sia-sia.*”

Jika cerita itu termasuk cerita nabi-nabi a.s. yang berhubungan dengan urusan agama dan tukang ceritanya itu benar dan ceritanya tidak salah, maka menurut saya (Imam Al-Ghazali), dibolehkan.

Adapun syair, maka dicela membanyakannya dalam pengajaran.

Kebanyakan syair yang dibiasakan oleh juru-juru nasihat ialah apa yang menyangkut dengan penyifatan kepada kerinduan, keelokan yang dirindukan, senangnya ada hubungan dan pedihnya berpisah.

Majlis itu dikunjungi oleh rakyat banyak yang bodoh-bodoh. Perutnya penuh dengan hawa nafsu, hatinya tidak terlepas daripada menoleh kepada rupa yang amnis. Dari itu syairnya tidak bergerak dari jiwanya kecuali ia terpaut padanya. Maka berkobarlah api hawa nafsu padanya, lalu mereka berteriak dan menari-nari.

Dari itu tidaklah sayugianya dipakai syair kecuali ada padanya pengajaran atau hikmah untuk jalan petunjuk dan pelunakan hati. Nabi saw bersabda : **“Sesungguhnya sebahagian daripada syair itu mengandungi hikmah.”** (Bukhari)

Jika majlis itu dihadiri orang-orang tertentu yang mempunyai perhatian kepada ketenggelaman hati dengan cinta kepada Allah Ta’ala dan tidak ada golongan lain dalam majlis tersebut, maka bagi mereka tidak ada melaratnya syair itu, yang zahiriahnya menunjukkan kepada hubungan sesama makhluk. Kerana pendengarnya dapat menempatkan apa yang didengarnya menurut panggilan hatinya, sebagaimana akan diterangkan nanti pada “Kitab Pendengaran”.

Dan kerana itulah Al-Junaid berbicara kepada lebih kurang 10 orang. Kalau mereka sudah banyak, dia tidak berbicara. Dan tidaklah pernah sekali-kali yang menghadiri majlisnya sampai 20 orang.

RINGKASAN KULIAH KALI INI

Apakah kebun2 syurga/taman2 syurga?
Majlis-majlis zikir.

Bagaimanakah maksud zikir dan tazkir terubah?
Apabila ia dikaitkan dengan majlis-majlis bercerita, syair-syair, lagu-lagu dan lain-lain.

Adakah semua tukang cerita tidak dibenarkan?
Tidak. Dibenarkan tukang cerita yang ceritanya membawa hati-hati manusia kepada Tuhan, kepada agama.

Bolehkah diselitkan syair dan lagu dalam pengajaran?
Boleh, asal tidak banyak. Membanyakannya dicela. ***“Sesungguhnya sebahagian daripada syair itu mengandungi hikmah.”*** (Bukhari)

MAKLUMAN

Ingin mendengar/menonton kuliah-kuliah syarah kitab Ihya' 'Ulumiddin yang lepas-lepas?

Semua siri kuliah kitab Ihya' 'Ulumiddin di surau ini boleh didengar semula di internet di:

1. *Youtube (taipkan "syarah ihya").*
2. *Laman <http://syarahihya.blogspot.com/>*
3. *Laman AlMuttaqinTv bawah Yayasan Islam Kedah.*

Sehingga kini kita sudah ada **166 fail** kuliah Syarah Ihya' 'Ulumiddin di internet (di Youtube). Setiap satunya sepanjang lebih kurang 8 minit. Terdapat 99 fail audio dan 67 fail video. Selamat mengambil manfaat.

IMBAS KEMBALI KULIAH YANG LALU

Zikir harian Hujjatul Islam Imam Al-Ghazali :

JUMAAT – Ya Allah

SABTU - Lailahaillallah

AHAD – Ya Hayyu Ya Qayyum

ISNIN – Lahaulawala quwwata illa billahil ‘aliyyil ‘azim

SELASA – Allahummasalli ‘ala Muhammad, wa ‘ala ali Muhammad

RABU – Astaghfirullahal ‘azim

KHAMIS – Subhanallahil ‘azim

Bekalan dan Jalan/Jambatan ke akhirat

Yang fardhu ‘ain kautinggalkan

Yang fardhu kifayah kaukejar

Akhirnya engkau kerugian

Di akhirat kau kan tersedar

Bekalan banyak kausiapkan

Bertimbun-timbunya amalan

Tetapi pasti kausesalkan

Kerana tiada jambatan

Apakah 2 kulit tauhid?

1. Mengucapkan “Laa Ilaaha illAllaah.”
2. Hatinya beradab dengan ucapan “Laa Ilaaha illAllaah” tadi.

Apakah isi tauhid?

‘Melihat’ semuanya datang daripada Allah. Di sebut juga sebagai memandang hakikat. Inilah ilmu hakikat yang disebut Imam Al-Ghazali sebagai hakikat tauhid.

Apakah kaitan antara hawa nafsu dengan aqidah?

Orang-orang yang mengikut hawa nafsunya, sebenarnya sedang berTuhankan hawa nafsunya.

Orang-orang yang menyembah selain Allah sebenarnya sedang menyembah hawa nafsunya.

Manakah lebih bahaya antara bom nuklear dan sifat mazmumah?

Sifat mazmumah. Kerana sifat mazmumahlah yang menghasilkan bom nuklear.

Adakah maksud “wajjahtu” itu muka kita?

Tidak. Maksudnya hati kita.

Adakah Allah berada di Ka’abah? Adakah Allah berada di arah qiblat?

Tidak. Allah tidak terpengaruh dengan tempat dan arah.

Antara Allah dengan tempat dan arah, yang mana dulu ada?

Allah, kerana Dia sudah sedia ada. Tentang tempat dan arah pula, pada asalnya kedua-duanya tidak ada. Selepas diciptakan oleh Allah, barulah tempat dan arah ada.

Apa sahaja yang terpengaruh/ada arah... ialah makhluk.

Apa sahaja yang terpengaruh/ada tempat... ialah makhluk.

“Dengan adanya ilmu, amal ibadah kita akan lebih bermakna.”

